

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN**

**[ KELANA JAYA – PKR ]**

**SOALAN (NO. <sup>474</sup>~~471~~)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :

- (a) Berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) untuk tahun 2014 dan 2015; dan
- (b) Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan kedudukan FAM memandangkan Malaysia kini berada pada kedudukan ke – 164 di dunia, iaitu lebih rendah daripada Bhutan

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia Dan Sukan telah pun memperuntukkan sebanyak RM 1.8 juta bagi tahun 2014 kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bagi persediaan skuad Senior Kebangsaan untuk menghadapi Piala AFF Suzuki 2014 dan persiapan skuad Harimau Muda A ke Temasya Sukan Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan. Manakala bagi tahun 2015, sebanyak RM1.5 juta diperuntukkan untuk membantu persiapan skuad Senior Kebangsaan menghadapi Kelayakan Piala Dunia 2018, Zon Asia serta persiapan skuad Harimau Muda A yang menyertai temasya Sukan SEA 2015 di Singapura pada bulan Jun nanti.
2. Kementerian juga mengakui bahawa skuad utama bola sepak kebangsaan sedang mengalami kejatuhan prestasi jika diukur berdasarkan **ranking ke-164** yang dikeluarkan oleh FIFA pada bulan April 2015 yang lalu. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kejatuhan *ranking* bola sepak ini adalah disebabkan oleh skuad bola sepak negara kita tewas dalam beberapa siri perlawanan persahabatan antarabangsa yang diambil kira dalam perkiraan menentukan *ranking* bola sepak oleh Persekutuan Bola Sepak Dunia (FIFA).
3. Bagi perancangan jangka pendek, Kementerian berharap pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dapat mengkaji pemilihan pasukan-pasukan yang akan kita hadapi bagi perlawanan

persahabatan antarabangsa sama ada untuk tujuan pendedahan kepada pemain atau pun untuk meningkatkan semula *ranking* bola sepak negara.

4. Manakala bagi perancangan jangka masa panjang, Kementerian Belia dan Sukan telah pun menyediakan satu Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), yang bertujuan untuk memastikan pembangunan pemain, kejurulatihan, kemudahan dan pertandingan dilaksanakan secara berterusan di peringkat akar umbi. Sasaran utama PPBN ini adalah untuk menyediakan satu landasan bagi menggilap bakat pemain-pemain yang berumur antara 7 sehingga 17 tahun ke arah melahirkan wira bola sepak negara dan memartabatkan pasukan kebangsaan satu hari nanti. PPBN ini juga akan dijadikan tapak penyediaan pemain-pemain yang mampu bersaing di Kejohanan **Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019.**

Sekian, terima kasih.